

## Proses Kreativiti A.Samad Said Berasaskan Teori Teksdealisme

(Creativity process of A.Samad Said based on Textdealism Theory)

ABDUL HALIM ALI

### ABSTRAK

Makalah ini berusaha memahami proses kreativiti Sasterawan Negara A.Samad Said berasaskan Teori *Teksdealisme*. Analisis dilakukan melalui kajian kepustakaan dan temu bual. Didapati proses kepengarangan A.Samad Said berada atas landasan yang sejajar dengan empat peringkat yang dicadangkan oleh Teori *Teksdealisme*, iaitu kehadiran, pelanggaran, pengukuhan dan kperingkat individualiti. Proses kepengarangan beliau itu sebahagian besarnya dipengaruhi oleh pengamalan beliau daripada hanya seorang anak sebuah keluarga yang menerima bahana peperangan, kemudian menjadi seorang pendengar cerita lisan yang setia, pembaca buku yang tekal hinggalah menjadi novelis, penyair, cerpenis dan akhir ditabal sebagai Sasterawan Negara.

Kata kunci: Proses kreatif, kehadiran, pelanggaran, pengukuhan, keunggulan

### ABSTRACT

The paper seeks to comprehend the creativity process of A.Samad Said, one of the most celebrated National Literary Figure, based on Textdealism Theory. Analysis was done through literature review and interview. It is found that his creativity process was undertaken on parallel premise to the four levels suggested by Textdealism Theory, namely, existence, collision, consolidation and individuality level. His creativity process was strongly influenced by his previous experiences, from just an ordinary family who suffered from the war, then a good story listener, book worm to become a novelist, poet, short story writer and eventually enthroned as National Literary Man.

Key Words: creativity process, existence, collision, consolidation and excellence.

### Pengenalan

Secara bandingannya, karya-karya A.Samad Said merupakan antara karya fiksi kreatif Melayu moden paling banyak dianalisis secara serius oleh para pengkaji. Perhatian yang diberi oleh para sarjana terhadap *Hujan Pagi*, salah sebuah novel besar beliau, sudah memadai menggambarkan hakikat ini. Sementara Mohamad

Fauzi Yunus (1989) mengkaji aspek persoalan, Mohd Rozi Ibrahim (1991) pula mengkaji aspek intrinsik dalam novel tersebut. Hizairi Othman (1996) yang melihat dari sudut proses penciptaan telah menemukan pengalaman penulis yang ditimba daripada ibunya sebagai dorongan kepada penciptaan novel tersebut. Sahlan Mohd Saman (1993) menganalisis novel-novel A.Samad Said menemukan pengalaman baharu dan lama penulis sebagai sumber inspirasi pengkaryaan. Sahlan (1989), Rahmat Haroun (1990) juga pernah meneliti novel *Hujan Pagi* dari sudut tekstualnya. Demikian juga Abdullah Tahir (1989), telah mengkaji proses penciptaan novel *Hujan Pagi*. Othman Puteh (1993) mengkaji cerpen-cerpen A.Samad Said dari sudut tema dan persoalan.

Secara keseluruhannya, kajian tentang novel dan cerpen A.Samad Said yang ada pada hari ini lebih menjuruskan kepada aspek tekstual, kandungan teks (contain analysis) bagi menemukan singnifikasi formaliti dan strukturalitinya. Hanya kajian oleh Abdullah Tahir (1990,1995) dan Hizairi Othman (1996) terhadap *Hujan Pagi* yang menampakkan usaha penyelongkaran mengenai ruang kognitif A.Samad Said dalam proses penciptaannya. Sungguh pun begitu, Hizairi tidak melakukannya dengan baik —seolah-olah dihipit oleh kegimbangan akan mengulangi perkara yang telah dilakukan oleh pengkaji terdahulu. Dalam hal ini Hizairi menyebut:

Proses penciptaan karyanya yang terdahulu dan biografi A.Samad Said telah banyak dikaji dan dibukukan. Melaluinya khalayak dapat mengutip banyak perkara, termasuklah untuk memahami serba sedikit proses penciptaan karya-karyanya. Oleh sebab itu, buku (kajiannya merupakan satu daripada bab buku beliau yang berjudul *Kreativiti dalam Penciptaan Karya Sastera*) ini tidak mengulangi perkara yang sama.(Hizairi Othman, 1996:23 )

Dalam kajiannya, Hizairi merumuskan, pengalaman dan pembacaan merupakan dorongan yang mencetuskan keinginan A.Samad Said berkarya. Meskipun memiliki pengalaman yang banyak, namun A.Samad bersikap selektif dan prioritis terhadap pengalaman-pengalaman yang ada di hadapannya. Sikap ini menurut Hizairi, menjadi punca kelambatan penerbitan novel *Hujan Pagi*. Pembacaan menyumbang input dalam bentuk rencam idea dalam minda A.Samad Said. Apabila diperlukan, idea-idea tersebut akan ‘dipanggil’ untuk diluahkan ke dalam karya.

Pada dasarnya, kajian Hizairi juga lebih menjuruskan kepada analisis kandungan (intrinsik). Ternyata, hasil kajian beliau lebih menonjolkan aspek tekstual seperti watak, aliran yang dibawa, metodologi penulisan, teknik dan plot cerita yang digunakan. Sedikit-sebanyak sumbangan yang boleh dimanfaatkan daripada kajian Hizairi hanyalah mengenai fenomena kognitif yang ditemui pada peringkat permulaan kehadiran idea bagi menghasilkan novel. Namun begitu, pemeringkatan proses kreasi yang dikonstruksi oleh beliau itu tidaklah dirujuk mana-mana model yang sedia ada. Bagi pengkaji, kekurangan ini amat menjejaskan perjalanan mencari makna di sebalik proses kreasi yang berlaku pada A.Samad Said.

A.Samad Said telah melalui pengalaman penciptaan karya kesusasteraan lebih daripada 50 tahun. Penglibatan awal beliau adalah pada tahun-tahun 1950-an. Sebelum memasuki dunia penulisan, beliau telah menempuh pelbagai pengalaman pahit. Peperangan yang melanda Tanah Melayu dan Singapura menjadikan zaman kanak-kanaknya suatu era yang sulit, perit dan payah. Pendudukan Jepun dan peperangan yang berlaku selama tempoh tiga tahun di hadapan mata beliau mempamerkan wajah sebenar masyarakat yang dilanda kesengsaraan dan huru-hara. Pengalaman ini telah mengalirkan bakat dan kebolehannya melukiskan semula pengalaman itu dalam bentuk karya. Pengalaman ini, bersama bakat dan kebolehan, telah mengupayakan beliau menghasilkan karya yang cukup matang dan berkesan.

Dalam pengkaryaan puisi, Kemala (2000:24) membahagikan penglibatan kepenyairan A.Samad Said kepada lima tahap, iaitu Tahap awal (1954-57), tahap bersama penyair kabur (1958-62), era eksperimen (1963-1973), era naratif dan balada (1974-1984) dan era kredo dan metafora (1985-1995). Jika diamati, pentahapan yang dibuat oleh Kemala ini sebenarnya didasarkan kepada gaya perpuisian A.Samad itu sendiri.

Objektif makalah ini ialah untuk memahami proses kreatif Sasterawan Negara A.Samad Said berasaskan teori *Teksdealisme*. Selain itu, analisis dalam makalah ini juga akan mengenalpasti dan menghuraikan kehadiran perkara-perkara penting dalam setiap peringkat dan hubungannya dengan proses kreatif A.Samad Said menghasilkan karya kreatif.

Makalah ini adalah sebuah analisis deskriptif berasaskan data yang dipungut di lapangan dan data kepustakaan. Data di lapangan dipungut menerusi kaedah temubual dengan sumber utama iaitu A.Samad Said sendiri di Bangsar pada tahun 2006. Temu bual dilakukan sebanyak dua kali di KL Sentral pada 24 Jun 2006 dan 12 Ogos 2006. Soalan temubual dibuat secara terbuka atas tujuan untuk mendapatkan seberapa banyak maklumat daripada responden. Data kajian juga diambil daripada sumber kepustakaan. Sumber kepustakaan yang utama sebagai sumber data ia dua buah buku iaitu *Dari Salina Ke Langit Petang*. Karya A.Samad Said (1987) terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka, *Antara Bulan dan Wira* karya A.Samad Said (1989) terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka dan buku *Between art and reality* (1994) karya A.Samad Said, terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur terjemahan Hafis Arif. Buku-buku ini dipilih sebagai sumber utama kerana ketiga-tiga buku ini memuatkan pengalaman peribadi A.Samad Said dalam proses kreatif penciptaan karya sepanjang penglibatannya dalam penulisan kreatif sepanjang 30 tahun (1950-an-1990-an).

### Teori *Teksdealisme*

Hasil analisis dibincangkan bersandarkan pada teori *Teksdealisme* yang dikemukakan oleh Mana sikana (1996). Teori ini menggagaskan empat peringkat yang perlu dilalui oleh seseorang penulis untuk mencapai tahap keunggulan dalam kepengarangannya. Empat peringkat itu ialah kehadiran, pelanggaran,

pengukuhan dan individualiti atau keunggulan. Asas kepada kepengarangan menuju ke peringkat keunggulan ini ialah keberanian. Mana Sikana (1996) percaya bahawa setiap orang penulis mempunyai cita-cita atau keinginan untuk berjaya dan mencapai satu tahap tertinggi dalam bidangnya. Cita-cita ini menurut Mana Sikana boleh dicapai sekiranya pengarang mempunyai keberanian yang tinggi. Keberanian adalah tunjang kepada upaya diri seseorang penulis yang bercita-cita untuk sampai ke peringkat tertinggi dalam dunia persuratan. Esensi keberanian diilhami daripada sifat dan sikap watak histiografi Melayu silam Hang Jebat yang berani menentang raja yang zalim demi menegakkan kebenaran. Dalam konteks kepengarangan, keberanian adalah sifat dan sikap keterbukaan yang dirasionalkan secara tekstual dan kontekstual dalam teks sehingga teks dan pengarangnya dilihat dan menampakkan memberi impak ke atas persepsi, status quo dan konvensi.

### Peringkat-Peringkat dalam Teori Teksdelsisme

Analisis ini dibincangkan secara deskriptif berasaskan empat peringkat proses keunggulan dalam teori Teksdelsisme, iaitu peringkat kehadiran, pelanggaran (dalam analisis ini disebut melanggar konvensi), pengukuhan (dalam analisis ini disebut menemui diri dan membina keperibadian sebagai penulis) dan peringkat keunggulan.

#### Peringkat Kehadiran

Peringkat ini merupakan peringkat terawal dalam proses menuju keunggulan yang menyediakan jalan rintis dunia penulisan A.Samad Said. Teori Teksdelsisme mempertanyakan apakah perkara-perkara yang dihadirkan, tujuannya dan kesan kehadiran perkara-perkara itu kepada diri dan karya penulis. Berasaskan analisis yang dilakukan, terdapat eberapa peristiwa dan pengalaman hidup A.Samad Said dihadirkan oleh A.Samad Said dalam proses kreatifnya. Kehadiran peristiwa dan pengalaman ini dapat dianggap sebagai kemasukan idea awal yang tidaklah dengan segera menghasilkan karya. Beberapa pengalaman dan peristiwa yang dimaksudkan itu ialah keinginan mendengar cerita-cerita, kehadiran peperangan dan kehadiran tokoh-tokoh penggalak. Tiga perkara yang dihadirkan ini sangat penting membantu mengolok keinginan, kesedaran dan potensi A.Samad Said dalam pengolahan karya kesusasteraan.

#### Keinginan Mendengar Cerita

Keinginan mendengar cerita merupakan daya esensi yang menggerakkan tanda-tanda kemahuan diri dan minat A.Samad Said terhadap karya kesusasteraan. Menurut A.Samad Said, Ibu nya ialah pencerita yang paling akrab dan paling hampir dengan diri A.Samad Said. Menurut A.Samad Said lagi, cara ibunya bercerita, niatnya bercerita dan isi cerita itu sendiri telah mendekatkan dirinya

kepada satu kecenderungan atau habit yang rupa-rupanya secara diam-diam, tapi meresap, menumbuhkan bakat penulis (A.Samad Said, 1987:1). Teknik penceritaan yang digunakan sering meninggalkan kesan *suspense* (ketegangan) yang akhirnya memaksa keinginan pendengar untuk terus mendengarnya.

Menjadi kelaziman seseorang ibu memujuk dan membelai anak-anaknya supaya mendengar cakap ibu bapa, cepat tidur, menghormati orang tua dengan cara memperdengarkan cerita-cerita dengan cara yang amperc. Dengan demikian, anak akan patuh cakap ibu supaya tidur dan menyambung cerita yang tergantung pada malam esoknya. Demikian pengalaman `biasa` seorang ibu yang telah mencetuskan keinginan mendengar cerita dalam diri A.Samad Said.

Selain ibunya sendiri, A.Samad Said juga banyak terpengaruh dengan cerita-cerita yang diperdengarkan oleh jiran dan gurunya sendiri. Cerita-cerita seperti *Batu Gosok Daki*, *Kutangkap Nyamuk*, *Congkel Permata* dan lain-lain. Peranan jirannya Pak Cik Osman dan Wak Ad serta guru darjahnya sangat penting kepada A.Samad Said, kerana menanam benih keinginan dalam dirinya A.Samad Said untuk bercerita kepada orang lain pula. Kata A.Samad Said, seingat-ingat saya, inilah pendorong pertama yang memupuk atau menyuburkan kecenderungan atau bakat saya untuk bercerita (A.Samad Said, 1987:10).

## Kehadiran Perang

Titik mula penglibatan A.Samad Said dalam penulisan dapat disusuri daripada kesan pengalaman hidup yang musnah akibat peperangan. Keburukan perang tidak sekadar meninggalkan kemusnahan dan kehancuran harta benda dan kedamaian, tetapi bagi diri A. Samad Said, perang juga telah meninggalkan kesan yang sangat tragis dalam naluri kemanusiaannya. Kata A.Samad;

Segala pendertiaan, kehalobaan dan kecurangan yang saya alami, malah yang saya alami sendiri, tidak terkikis beberapa lama dalam karya-karya saya. Barang kali kerana terlalu kuatnya kesan itu, sehingga secara naluriah atau dianugerahi saya terdaya menyudahkan *Salina* dalam masa dua bulan.(A.Samad Said,1992:6)

Kehadiran perang di Tanah Melayu menjadi salah satu sumber luar terpenting yang menghidupkan kreativiti A.Samad Said, sehingga mampu mengolah dan mengadun pahit getir pengalaman hidup dalam sebuah novel hanya dalam tempoh dua bulan. Novel itu kemudiannya menjadi ikon kemasyhuran A.Samad Said, apabila diangkat oleh A.Teeuw sebagai sebuah novel terbaik bertaraf antarabangsa yang berjaya menggambarkan masyarakat Melayu Singapura yang sebenar (Mana Sikana,1998:94). Kehadiran perang telah menghadirkan diri A.Samad Said penglibatan awal dirinya dalam dunia penulisan, seterusnya kehadirannya itu telah menghadirkan pula novel *Salina*. Kehadiran perang juga menghadirkan kesedaran sastera yang amat bermakna bagi perjalanan kreatif yang selanjutnya (Lihat juga Cheah Boon Kheng,1994:48).

Mana Sikana (1996), melihat kehadiran sebagai proses terawal yang akan ditempuhi oleh setiap orang penulis sebelum memasuki tahap-tahap yang lebih mencabar dalam kerja-kerja penulisan. Bagi A.Samad Said, kehadiran perang

menjadi sumber terpenting kepada penglibatan dirinya dalam bidang penulisan novel, drama dan puisi, meskipun peperangan tidak lagi menjadi rencana pengkaryanya. Namun pengalaman hidup dalam perang telah memusatkan perhatian dan minda sadar A.Samad terhadap kesediaannya mengagahi *Salina* yang membuka ruang khalayak memahami kehidupan masyarakat Melayu ketika itu dan sikap A.Samad sendiri terhadap masyarakatnya. Pengalaman ini adalah pengalaman langsung dirinya sebagai mangsa perang itu. Pengalaman ini menurut Hasan Langgulung (1991) menunjukkan wujudkan kawasan-kawasan yang kadang-kadang jiwa sadar menonjol sebagai pusat sahsiah, iaitu si Aku. Si Aku dalam konteks ini dapat dihubungkan secara langsung dengan diri A.Samad itu sendiri.

Kehadiran perang mengumpulkan pengalaman yang banyak pada diri A.Samad Said, dan pengalaman itu kemudiannya diolah semula dengan diberi gambaran realistic dalam novel *Salina*. Watak-watak ciptanya pula terdiri daripada mangsa-mangsa perang yang hidup penuh kecewa dan derita dalam arus kehidupan yang daif (Sarah Sadon,2004:xv).

### Kehadiran tokoh-tokoh Penggalak

Era pascaperang Dunia Kedua menyaksikan penglibatan lebih serius A.Samad Said dalam penghasilan karya. Karya-karya yang dihasilkan sudah terlepas dari cengkaman pengalaman perang. A.Samad Siad melibatkan diri dalam dunia kewartawan. Penglibatannya dalam dunia kewartawan telah menemukan dirinya dengan ramai tokoh penting bidang itu seperti Ahmad Boestaman, Dr. Burhanuddin, Datuk Onn, Zaini, Tunku Abdul Rahman, A.Samad Ismail, Usman Awang, Asraf Wahab, Awam il-Sarkam, Said Zahari, Jymy Asmara dan tokoh-tokoh intelektual seperti Kassim Ahmad, Syed Husin Ali dan Ismail Hussein.

Kehadiran tokoh-tokoh ini memberi sumbangan besar kepada peningkatan A.Samad Said dalam kariernya sebagai penulis. Menurut A.Samad Said, perhubungan saya dengan individu-individu tertentu juga menolong dalam pendewasaan dan perlandasan saya sebagai insan seni (A.Samad Said,1992:9).

Kehadiran tokoh puisi Melayu moden Usman Awang sangat penting bagi diri A.Samad Said. Usman Awang dijadikan idola kepenyairan, kerana pada diri penyair inilah, A.Samad Said menggerakkan cita-citanya untuk menjadi seperti Usman Awang. Menurut Kemala (2000:24), pada tahap pertama, Samad dibayangi oleh wibawa dua penyair besar ketika itu (1958-1962) dan pengaruh dua penyair ini terucap dalam puisi Samad Said seperti *Irama Rindu* dan *Kepada Gadis Manis*. Demikian juga dengan kehadiran beberapa tokoh intelek seperti Syed Husin Ali, Kassim Ahmad dan Ismail Hussien. Kehadiran tokoh-tokoh ini bagi A.Samad Said telah membuka ruang ilmu dan memasukinya sebagai seorang pencari yang kehilangan. Asamad Said menyebutkan;

Perhubungan saya dengan para intelektual ini tidak syak lagi mendorong saya untuk mengenali dunia cedekiawan yang lebih luas dan dengannya juga membawa saya untuk lebih bersemangat memperdalam pengetahuan, menguji

pendapat, kemudian merakamkan sesuatu dengan hitungan-hitungan yang waras dan berwibawa. (A.Samad Said, 1992:10)

Tidak sekadar tokoh-tokoh di Malaysia, tokoh-tokoh dari Indonesia juga menjadi sumber penting yang mendorong pertumbuhan kreativiti dalam penciptaan karya A.Samad Said. Salah seorang tokoh tersebut ialah Pak Hamka. Mengingati karya-karya tokoh ini, akan segera membawa fikiran A.Samad Said kepada suatu suasana kehidupan yang sangat mudah difahaminya. Daripada kisah-kisah yang dijalin dalam novel *Di Bawah Lindungan Kaabah* dan *Tenggelamnya Kapal Van Der Vick* telah menusuk jauh ke jantungnya terutama apabila mengenangi penderitaan watak-watak utamanya. Katanya A.Samad Said:-

...betapa merananya seorang anak muda *di Bawah Lindungan Kaabah*... Adalah kilatan-kilatan kisah yang boleh dipanggil atau teringat pada bila-bila masa saya mengingatkan ...Hamka... Dari cerita-cerita itu juga saya boleh memanggil semula deskripsi-deskripsi sekitar zaman mereka, baik gambaran keduai minum, rumahtangga, baik di bawah kaabah ataupun di tengah-tengah belantara Afrika. (A.Samad Said, 1987:23)

Kekuatan pengaruh Hamka, bukan setakat ceritanya, tetapi kehebatan tokohnya yang menyerapi jiwa A.Samad Said sehingga mempengaruhi dan meruntuni minat yang sangat mendalam terhadap cerita yang dikaryakan oleh Hamka. Perhatikan cerita A.Samad Said:-

‘Cuba pergi beli cili kering dulu, mak nak buat samabal tumis,’ Ibu menyuruh, ketika saya sedang bersedih dengan *Di Bawah Lindungan Kaabah*. Sambal tumis memang kegemaran saya, tetapi di saat itu, Hamka lebih mempengaruhi saya. Antara selera makan, saya memilih selera otak.

Hah, kalau gitu, biar kaumakan buku tu saja,’ Ibu bersuara tinggi, mula meradang. Antara radang ibu dengan karya Hamka, saya terpaksa menyebelahi ibu seketika. (A.Samad Said, 1987:23)

## Melanggari Konvensi

Beberapa peristiwa yang hadir di peringkat kehadiran memperlihatkan diri A.Samad Said yang masih tidak mengenali dirinya yang sebenar. Lambakan kisah yang terjurai dari peperangan, pergaulan dengan tokoh-tokoh penting sekadar menjadikan dirinya sebagai pemungut dan pengumpul pengalaman yang paling setia. Diri dan kehidupannya terjebak dalam kancak peperangan, pertelingkahan pandangan para wartawan dan keluasan dunia keintelektualan. Namun begitu, A.Samad Said tidak menjadi seorang pemilih yang cerewet terhadap baik buruk pengalaman. Dia mengambil kesemuannya sebagai bekal menghitung diri dalam kehidupan. Daripada peristiwa dan pengalaman diri yang ditempuh itu, A.Samad Said bergerak dengan upaya yang lebih serius untuk menjadikan dirinya seorang yang mempunyai jati diri dalam penulisan. Oleh itu, A.Samad Said mula meningkat kesedaran dan minatnya terhadap buku-buku. Kerana itu, A.Samad Said seperti melanggar konvensi dan tgradiri diri daripada manusia yang hanya mendengar menjadi manusia yang membaca. Daripada meminati hanya

orang-orang tertentu dalam lingkungan hidupnya di kampong kepada meminati penulis-penulis Barat dan timur yang jauh daripada tradisi, konteks budaya dan bangsanya.

### Membenih minat Membaca

Pencarian diri adalah proses halus yang bergerak dalam senyap. Proses ini dilalui oleh A.Samad sebagai satu perjalanan bathin. Hanya sewaktu berada di *Special Malay Class*, baharulah A.Samad Said sedar kecenderungan dirinya kepada dunia penulisan. Di sinilah juga, minat membaca membenih dalam dirinya (lihat, A.Samad Said,1987:12). Pertama kali A.Samad Said menemui diri di sebalik karya-karya kesusasteraan di *Monk's Hill School Singapore*. Di sekolah ini A.Samad Said menemui karya-karya George Eliot, Charles Dickens, Sheley,Robert Browning, Tu, Li Po Erskine Caldwell, Robert Frost, Steinbeck, Hemingway, Shakespeare dan George Bernard Shaw. A.Samad Said amat menyenangi karya-karya yang dihasilkan oleh penulis-penulis ini. Kemesraan ini berkembang melalui pencarian sendiri (A.Samad Said, 1992:11).

A.Samad Said kini merupakan penggemar karya kesusasteraan. Beliau makin sedar akan kecenderungan dirinya. Minatnya terhadap karya-karya kesusasteraan ini makin memuncak apabila beliau berpindah ke *Beatty Secondary School*. Dalam waktu yang sama, A.Samad Said berkenalan pula dengan karya kesusasteraan Jepun menerusi penulisnya Osamu Dazai, Yasunari Kawabata, Yukio Mishima dan junichiro Tanazaki.

Setelah akrab dengan karya-karya kesusasteraan Inggeris, Amerika dan Jepun, A.Samad Said beralih pula kepada karya-karya kesusasteraan Rusia. Beliau sangat senang berhadapan dengan karya-karya oleh Tolstoy, Gorky dan Solzhnitsyn. Minat membaca karya-karya kesusasteraan yang berbagai-bagai ini seumpama satu penjelajahan intelektual yang mematangkan pengalaman A.Samad Said sebagai persediaan menjadi pencerita (penulis) yang baik. Pembacaan telah meninggalkan kesan awal pada kebolehan A.Samad Said sebagai penulis. Pengalaman membaca buku-buku cerita bercorak misteri dan pengembaraan kanak-kanak yang dipinjamkan dari *Raffles Library* telah tertumpa dalam dua buah novel kanak-kanak iaitu *Lima Kawan Ke Rumah Rahsia* dan *Jangan Ikut Jalan Ini* (A.Samad Said,1987:12).

### Membina Diri Daripada Pembacaan

Pembacaan adalah satu proses ilmu yang telah membentuk watak intelek dalam diri A.Samad Said. Tidak sekadar membaca untuk memahami cerita yang terhidang dalam teks, tetapi A.Samad said menempuh proses yang lebih jauh, menjelajah sampai kepada akar yang menjadi inti karya, khusus karya-karya yang mendokong tema pembinaan dan pembangunan bangsa. Kata A.Samad Said;

Their works are deeply moving and I particularly admire the strength of these writers and the intensity of their involvement in the inner turmoil of the

history of their nations.(A.Samad Said,1994:8).

Pembacaan yang luas tentang kesusasteraan asing, khususnya Amerika Syarikat, Eropah dan Indonesia telah mematangkan A.Samad Said dengan dunia kesusasteraan orang lain. Seperti yang disebut, A.Samad Said tidak sekadar menempuh proses pembacaan untuk memahami isi cerita dalam karya, tetapi beliau juga mempelajari daripada pembacaan itu teknik dan pendekatan yang digunakan oleh penulis-penulis terkenal di dunia bagi membantu kerja-kerja penulisannya, di samping berusaha memahami pemikiran dan perasaan bangsa-bangsa di dunia. A.Samad menjelaskan;

By studying the great works of world literature, I have a way to knowing the emotions and thought of my fellow artists throughout the world.No doubt there are aspects of their works which have escaped me, which could otherwise be of use to me, either from a technical point of view or with regard to their own outlook and moral attitudes.(A.Samad Said,1994:9)

Daripada pembacaan yang berterusan, meluas dan konsisten, A.Samad Said mengumpul maklumat sebagai bahan membina diri sebagai seorang penulis yang berilmu pengetahuan. Penulis yang tidak sekadar mengetahui dunia bangsanya, tetapi mampu memahami sejauh bangsa di dunia dan isu-isu yang benar-benar mematangkan diri untuk melangkah lebih maju dalam dunia penulisan. Pembacaan novel-novel awal yang ditulis oleh novelis Melayu dan Barat sangat kuat mempengaruhi kecenderungan minat dan perasaan cinta A.Samad Said terhadap sastera. Novel dua orang novelis Melayu iaitu Hamzah dan Wijaya Mala benar-benar menambat hati A.Samad Said. Kata A.Samad Said;

Saya begitu puas membaca novel *Dunia itu dunia aku*, satu pengalaman yang kebetulan pernah saya saksikan sendiri. Kisah tentang di luar dan bergelora di dalam yang dipaparkan oleh Hamzah mendekatkan diri saya kepada satu pengalaman yang kurang saya mengerti selama itu, biarpun saya pernah menyaksikannya. Saya membaca *Pemburu Kembali Ke Rumahnya* dengan semuruh minat, menikmatinya, walaupun kurang mudah mengikuti jalan ceritanya. (A.Samad Said,1987:14)

Pembaca yang mendalam bukan sahaja membiak minat yang menebal dalam diri A.Samad Said, malah, tabiat yang sudah menjadi budaya itu akhir mengalirkan pengaruh yang besar terhadap kepengarangan dan kepenyairan A.Samad Said. Daripada penulis dan karya Barat, A.Samad Said menimba dan mengambil teknik dan pengolahannya yang dianggap menarik. Daripada penulis dan karya Indonesia pula menimba kekuatan dasar isi cerita. Daripada karya-karya penulis Indonesia, khususnya golongan penyair, A.Samad mula tercebur dalam pengamatan dan amalan kesusasteraan yang serius dan analitis. Menurut A.Samad Said;

Kecenderungan ke karya-karya sastera Indoneisa ini menjadi semacam `tangga` dan `asas` yang lebih berakar untruk mendekati sastera lebih dari semata-mata cerita sebagai cerita belaka...penjelajahan saya ke buku-buku sastera Indonesia telah meningkatkan pencecapan saya terhadap sastera daripada hanya untuk mengetahui cerita kepada untuk menikmati seninya juga.(A.Samad

Said, 1987:17)

Daripada pengakuan A.Samad Said ini menunjukkan bahawa pengenalan yang menimbulkan minat membaca karya kesusasteraan pada awalnya hanyalah semata-mata atas tujuan ceritanya. Tujuan begini lazimnya sebagai satu proses pemenuhan minat yang meluap-luap, bukan untuk mengapresiasi karya dalam bentuk yang lebih serius. A.Samad Siad pada waktu itu hanya peminat dan pembaca buku-buku sastera yang setiasa, tetapi bukan penelaah yang berusaha mencari jawapan kepada cerita yang dibaca.

Perkenalan intim dengan penulis dan karya-karya sastera Indonesia menjadi titik mula yang mengasaskan kecenderungan minda A.Samad Said untuk menganjukkan diri dari sifatnya sebagai peminat dan pembaca kepada seorang peneliti yang memikirkan sesuatu di sebalik cerita yang dibaca.

Asas ini menjadi lebih terbina dengan pengalamannya menikmati karya-karya kesusasteraan Inggeris di sekolah Beberapa buah novel Inggeris seperti *Oliver twist*, *Wurthering*, *Almayr's Folly* dan *The Hurricane* telah membawa A.Samad Said amper tektual dengan mempelajari aspek-aspek struktur novel secara serius. Pembacaan menjadi faktor terpenting yang telah mempengaruhi kreativiti dan mengembangkan bakat penulisan A.Samad Said. Jelas A.Samad Said, sesungguhnya dan sesedar mana seseorang penulis membaca buku, akhirnya dapat banyak menolungnya sebagai penulis (A.Samad Said, 1987:20).

### Pengaruh Media Massa

Selain daripada memberi tumpuan kepada karya-karya kesusasteraan, A.Samad Said juga menimba pengalaman daripada media massa untuk menambah pengetahuannya. Dua buah media massa yang penting dan menjadi tumpuan A.Samad Said pada awal penglibatannya dalam bidang penulisan ialah majalah *Hiburan* dan *Mutiara*. Dalam hal ini, A.Samad Said menyatakan, kedua media inia banyak memupuk kecenderungan saya membaca dalam kesusasteraan Melayu (A.Samad Said, 1987:13). A.Samad juga cmembaca *Mastika*. Namun begitu, majalah *Mastika* dianggap sebagai terlalu berat bagi dirinya pada peringkat awal penglibatannya dalam bidang penulisan.

Tentang majalah *Hiburan*, A.Samad menyebutkan; *Hiburan* meluaskan pengetahuan saya tentang sejarah dan perkembangan seni, sains dan aneka cabang ilmu di merata dunia (A.Samad Said:1987:13). Tentang majalah *Mutiara*, A.Samad Said menyebutkan, *Mutiara* yang lahir sebulan sekali juga mempunyai pengaruh yang besar terhadap saya. Hampir setiap cerita dan menggariskan bahagian-bahagian yang menarik minat. Cerita-cerita yang dibaca benar-benar menarik minatnya untuk menjadi seorang cerpenis yang sebaik mereka. Daripada dua majalah inilah kemudiannya saya mengalir ke novel-novel Melayu yang kebetulan mulai banyak pada awal-awal tahun lima puluhan (A.Samad Said, 1987:14).

Pengaruh media massa tidak sekadar mendekati A.Samad Said dengan karya-karya kesusasteraan dari Malaysia, tetapi juga karya-karya sastra dari Indonesia. Menerusi *Utusan Zaman* dan majalah *Mastika*, A.Samad Said mula memahami dunia wacana ilmu, polemic dan perbahasan seni. Menerusi dua media ini, A.Samad Said mengikut perdebatan atau huraian tentang aliran seni dan sastra Indonesia yang sering diperkatakan oleh penulis-penulis ASAS 50 seperti Asraf, Usman Awang dan Bachtiar Djamily. Menerusi media ini juga, A.Samad Said lebih rapat dengan puisi-puisi dari Indonesia. Puisi-puisi karya Ajip Rosihidi, W.S.Rendra, Dada Maruxa dan Sitor Situmorang telah mengajar A.Samad Said berfikir lebih halus dan analitis untuk menafsir makna dalam puisi.

Keakraban minatnya terhadap dunia media massa, khususnya dalam keterlibatan langsung dirinya dalam dunia kewartawanan telah menyumbang modal paling berguna kepada penghasilan novel *Hujan Pagi*. Sebuah novel yang terbangun dari himpunan pengalaman kewartawanan yang penuh simpang siur. *Hujan Pagi* memperkatakan dunia wartawan yang sangat diketahinya, dunia yang digelumanginya selama 26 tahun (Hizairi Othman, 1996:65).

## Menemui Diri

Tidak jelas, tempoh yang setepatnya A.Samad Said benar-benar menyedari bahawa dirinya memiliki kekuatan sendiri. Pembangunan kreativiti dalam diri A.Samad Said bergerak ke depan dan sentiasa maju. Ibarat kemajuan negara membangun yang rancang dengan pembangunan selepas merdeka. Ibarat cendawan yang tumbuh setelah turunnya hujan, sangat menggalakkan. Namun, dalam waktu yang sarat idea itu, A.Samad Said mula memikirkan prinsip diri.

Beberapa tokoh yang menjadi idola dan minatnya mula membayangi fikiran. Lintasan wajah Hamka, Harun Aminurrasyid, Charles Dickens, Ernest Hemingway menghegemoni minda A.Samad Said. Pada saat inilah, A.Samad, usaha untuk memisahkan diri dari daripada bayangan tokoh-tokoh besar ini. A.Samad bimbang ceritanya nanti menjadi satu hipogrami daripada olahan cerita-cerita terdahulu. Pertama kali saya ingin menulis novel, inilah kegelisahan yang saya alami (A.Samad Said, 1987:42). Detik ini adalah detik penting A.Samad menemui diri.

Setelah menentukan landasan pengkaryaan, A.Samad Said mula menggerakkan perjalanan seninya sebagai seorang penulis dengan sebuah pengembaraan kreatif yang besar maknanya menerusi sebuah novel berjudul *Salina*. Terhasilnya *Salina*, berserti juga beliau telah mampu membebaskan diri daripada bayangan idolanya. A.Samad mampu berdiri sebabagi seorang penulis yang memiliki cerita sendiri, lahir dari kreativiti diri yang benar dan tersendiri, bukan yang diciplak atau ditiru dari penulis-penulis yang dipujanya sebelum ini. Oleh itu, kata A.Samad Said:-

Saya sudah dapat menapis cerita terlepas dari cerita *Batu Belah Batu Bertakup*, terlepas dari pengaruh *Di Bawah Lindungan Kaabah* dan terlepas

juga dari *The Pastures of Heaven*. Saya mempunyai cerita sendiri, yang ditapis dari awan-awan yang terapung, diperkuat dari khazanah pengalaman keluarga dan diri sendiri, dan diperkukuhkan lagi oleh penyelidikan dari buku-buku atau perdebatan. Inti cerita nya memang sudah ada, tapi di samping itu semak samun sekitarnya masih juga banyak, kabus masih menyerkupnya sehingga kalau ditulis di waktu itu juga cerita saya itu tentu akan merempat ke sana sini. Saya ingin cari relnya dulu. Itu azam pertama. (A.Samad Said, 1987:42)

## Memperkukuhkan Keperibadian Sebagai Penulis

Novel *Salina* membuka dan membongkar segala perit getir pengalaman hidup manusia Melayu yang terjepit dalam kerosakan masyarakat akibat perang. Desakan pengalaman dan kecenderungan kepada cerita-cerita yang pernah didengar sebelum ini (lihat A.Samad Said, 1987:50). Pengalaman hidup dalam masyarakat yang hancur kerana perang menghidupkan gerak jiwa dan kreativiti seninya untuk menulis. Menurut A.Samad Said (1987:42):-

Pengalaman selepas perang Dunia Kedua masih hangat lagi setahun selepas saya berhenti sekolah terlalu mudah untuk saya menarik apa sahaja khazanah pengalaman di masa itu. Tidak sahaja, bayangan setengah-setengah tempatnya boleh saya pinjam di sana sini.... Saya tidak payah terlalu berangan-angan atau berkhayal-khayal

Novel *Salina* memberi banyak kefahaman kepada diri A.Samad sendiri. Beliau menjadi lebih faham, lebih rasional, lebih analitis dan lebih edukatif. Beliau lebih faham persekitaran yang boleh mendokong kejayaan proses penghasilan karya, lebih rasional dan analitis memilih, menolak dan menyanggah idea, lebih edukatif kerana mendapat kritikan pelbagai pihak atas karya novelnya. Kritik-kritik terhadap *Salina* memberikan saya banyak pelajaran lanjut tentang penulisan novel (A.Samad Said, 1987:59). Kritikan oleh beberapa orang tokoh besar ketika itu seperti Syed Husin Ali dan Kassim Ahmad memberi suntikan baharu yang membentang lebih luas ruang untuk A.Samad Said menerokai dunia penulisan yang lebih mencabar. Kritikan-kritikan seperti ini mendorong saya untuk meneliti *Salina* dan walaupun saya tidak menerima sebahagian besarnya, tetapi saya percaya memang ada baiknya jika dapat dilahirkan sebuah novel yang tidaklah perlu tebal kerana semata-mata ingin menjadikannya tebal (A.Samad Said, 1987:60).

A.Samad Said memilih cara yang betul sewaktu berhadapan dengan kritikan-kritikan terhadap *Salina*. Dalam waktu dia menerima, ada juga antaranya yang ditolak. Inilah pelajaran yang kemudiannya membentuk sikap A.Samad yang lebih analitis dan kreatif dalam penghasilan karya. Hasil daripada sikap inilah, A.Samad Said melanggari kecenderungan awal seperti dalam *Salina* dengan menampilkan imej baharu dalam novel kedua yang berjudul *Sungai Mengalir Lesu*. Menurut Mana Sikana (1996), melanggari tradisi sebelumnya adalah satu proses menuju pengukuhan diri. Setiap pengarang mempunyai keinginan untuk

menghasilkan karya yang lebih baik di samping berusaha membina dirinya dengan unsur-unsur keperibadian yang dibina sendiri.

*Sungai Mengalir Lesu* meninggal jauh pengalaman yang berkumpul dalam Salina. A.Samad Said sedar bahawa beliau tidak mungkin bergantung sepenuhnya pada pengalaman lama dan cara lama untuk menampilkan cerita. Kritikan-kritikan terhadap *Salina* menjadi sebahagian daripada sebab untuk berpindah dari stesen lama. Meskipun dari segi tema masih tetap luas sebagaimana *Salina*. A.Samad menegaskan, untuk *Sungai Mengalir Lesu* kekhuatiran pengalaman baharu tidak timbul lagi, yang lahir ialah keghairahan untuk mencuba satu cara baharu – kesingkatan dan kepadatan, untuk satu karya sastera yang kebetulan akan memaparkan sebesar-besar masalah (A.Samad Said, 1987:60).

Novel *Salina* dan *Sungai Mengalir Lesu* telah menampakkan wajah novelis Melayu baharu yang kian membina dan membangun. Keris Mas (1979) pernah memberi komen kepada *Salina* dengan menyatakan; `sampai sekarang, saya masih berpandangan bahawa *Salina* ialah sebuah novel besar, moden dan bertaraf universal yang pertama dihasilkan oleh pengarang Melayu. Mana kala Profesor A.Teeuw (1964) pula menyatakan, buku ini menimbulkan faham yang dalam mengenai masyarakat Melayu dan tidak kurang pula mengenai manusia Melayu; cara dia berfikir dan merasa.

Tidak hanya kritikan positif, *Salina* turut menerima kritikan negatif, terutama oleh sarjana Melayu sendiri seperti Mohd Affandi Hassan, Ungku Maimunah Mohd Tahir dan Zariat Mohd Rani. Kepelbagaian jurus pandangan yang sangat variasi sifatnya membuka ruang luas argumentasi tentang novel ini. Malah, akhir-akhir ini, ada suara yang terkedengaran supaya penilaian yang diberikan sebelum terhadap *Salina* dikaji semula. Dengan tidak hanya mengambilkira persoalan kritikan terhadap tekstual *Salina*, *Salina* itu sebenarnya telah berjaya menempatkan A.Samad Said pada landasan (*rel* – istilah A.Samad Said sendiri) pengkaryaan yang makin terbuka dengan daya kreatif yang makin tinggi dan kematangan minda yang tahan diuji. Ini terbukti dengan kemampuan A.Samad Said menghasilkan beberapa buah novel baharu seperti *Di Hadapan Pulau* (1978), *Langit Petang* (1980), *Daerah Zeni* (1985), *Hujan Pagi* (1987) dan *Adik Datang* (1989). Genre puisi pula, beliau berjaya menghasilkan *Balada Kehilangan Peta* (1990), *Suara Dari Dinding Dewan* (2003), dan banyak lagi karya-karya dalam genre drama, cerpen dan esei kritikan sastera.

Dalam puisi pula, A.Samad Said memasuki ruang eksperimen dan falsafah untuk memperkukuhkan keperibadian dirinya. Kelebihan yang ada pada A.S.Amin, M.Ghazali dan Noor S.I. menjadi pendesak dalam diri A.Samad Said untuk tidak selalunya bergantung kepada gaya dan teknik perpuisian Tongkat Warrant dan Masuri S.N. Aspek teknik yang menyumbangkan kepada kemerduan sajak dimanfaatkan oleh A.Samad Said untuk menampilkan imej baharunya.

## Peringkat Keunggulan

Keunggulan merupakan peringkat tertinggi yang dicapai oleh seseorang pengarang yang memiliki *vision* dalam kepengarangannya. Menurut Mana Sikana (1996:57) untuk mencapai tahap ini, pengarang harus ada keberanian untuk melahirkan teks sebagai demonstrasi intelektualisme, mengaplikasikan konstruktif epistemologiesme yang berhubungan dengan metafizik dan falsafah. Mencari dan menemukan keunggulan atau idealisme menjadi cita-cita utama dalam kerja-kerja kepengarangan (Mana Sikana,1996:119).

A.Samad Said dilihat juga memiliki visi untuk mencapai keunggulan ini, khususnya dalam bidang puisi. Setelah larut sekian lama dalam dunia realisme, absurd, realisme magis dan surealisme, akhirnya beliau sampai kepada kemuncak pencarian manusia yang sangat syahdu dan rohani menerusi karya terpanjang berjudul *Al-Amin* yang disifatkan oleh Kemala (2000) sebagai sebuah Sirah Rasulullah dalam bentuk puisi (2000:28). Pengalaman manis menghasilkan *Al-Amin* dianggap oleh A.Samad Said sebagai sangat memantapkan dirinya (A.Samad Said,1999:xv). Dalam hal ini, beliau menyebutkan, saya seperti tidak percaya, tapi penuh syukur, bahawa saya telah sempat menyelesaikan **satu kerja yang terlalu bererti dalam hidup** saya (A.Samad Said,1999:vii).

*Al-Amin* telah meletakkan A.Samad Said pada puncak pengalaman berkarya. Penghasilan *Al-Amin* ini menurut Kemala (2000:26), A.Samad Said telah mempasrahkan seluruh bakat dan kemungkinan bahasa yang ada padanya. Ini suatu kerja yang besar, seolah-olah menghadapi satu peperangan yang seru. Pelukisan dan wilayah yang dimasuki penyair ialah wilayah lahiriah dan bathiniah. Menurut Abd.Wahab Hamzah (2000:29),*Al Amin* bukan sekadar kematangan A.Samad Said kerjaya, tetapi menunjukkan kreativiti yang semakin berkembang hebat dengan nilai sastera yang tinggi.

Keunggulan A.Samad Said dalam genre puisi moden diperkukuhkan dengan penghasilan kumpulan puisi yang berjudul *Suara Dari Dinding* Dewan pada tahun 2003. Kumpulan ini menghimpunkan sajak-sajak yang dihasilkan dalam tahun 1990-an hinggalah pada awal tahun 2003. Pada usianya yang hampir mencecah 80 tahun, A.Samad Said terus unggul dengan genre puisi dan secara perlahan-lahan meninggalkan genre drama, cerpen dan novel.

## Kesimpulan

Analisis yang dilakukan menunjukkan, proses kepengarangan A.Samad Said berada atas landasan yang sejajar dengan empat peringkat yang dicadangkan oleh teori *Teksdealisme*. Walau bagaimanapun terdapat beberapa aspek yang menjadi inti setiap peringkat proses kurang jelas dan ini menampakkan asas *Teksdealisme* untuk memahami secara rinci proses menuju keunggulan kurang menepati dengan data yang ada. Contohnya, data yang diperoleh daripada lapangan dan kepustakaan tidak menunjukkan aspek-aspek pelanggaran yang signifikan dengan

kehendak *Teksdealisme*, sebaliknya, pengalaman yang ditempuh A.Samad Said lebih menampakkan suatu penursan daripada peringkat kehadiran. Pada peringkat kehadiran, pengukuhan dan keunggulan, teori ini berjaya menunjukkan aspek-aspek yang telah dilalui oleh A.Samad Said daripada hanya seorang anak sebuah keluarga yang terkesan dengan peperangan, kemudian mendi seorang pendengar cerita lisan yang setia, pembaca buku yang tekal minatnya hinggalan menjadi novelis, penyair, cerpenis dan akhir dianggap sebagai Sasterawan Negara. Berasaskan idea empat peringkat proses menuju kepada keunggulan penulis dan teks, analisis ini dapat menunjukkan sifat dan keperibadian, kepengarangan dsan kepenyairan, kedudukan dan pengiktirafan masyarakat terhadapnya membuktikan A.Samad Said dan karyanya sebagai telah mencapai tahap keunggulannya.

## Rujukan

- A.Samad Said. 1976. *Benih Semalu*. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka
- A.Samad Said. 1987. *Dari Salina Ke Langit Petang*. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- A.Samad Said. 1989. *Antara Bulan dan Wira*. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- A.Samad Said. 1999. *Al-Amin*. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- A.Samad Said. 1985. Duduk-duduk Di Hadapan Puisi. Dlm. *Dewan Sastera*. Ogos. Hlm. 28-30.
- A.Samad Said. 2003. *Suara Dari Dinding Dewan*. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdul Halim Ali. 2007. *Di Sekitar Puisi Melayu Moden*. Tanjong Malim. Penerbit UPSI.
- Abdullah Tahir. 1990. Tentang Proses Ciptaan Puisi. Dlm. *Dewan Sastera*, Terbitan Februari.
- Ahmad Kamal Abdullah. 2000. Bibit Keindahan Seni Pengucapan. Dlm. *Al-Amin`Dewan Sastera*, keluaran Mei.
- Bergquist. 1991. *A Comparative View of Creativity Theories*. Manuskrip Tidak Diterbitkan. San Francisco. Syabook Institute.
- Hassan Langgulong. 1991. *Kreativiti dan Pendidikan*. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hizairi Othman. 1996. *Proses Kreatif Dalam Penciptaan Karya*. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kamus Dewan*. 2005. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Laporan Panel Anugerah Sastera Negara 1991: 2000*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Leonard M.S. Yong. 1993. *Kreativiti: Ke Arah Pembentukan Masyarakat Kreatif*. Kuala Lumpur : Incotrends. M. Sdn. Bhd.
- Mana Sikana. 1996. *Teori Teksdealisme*. Bangi. Terbitan Jabatan Persuratan Melayu, Universiti Kebangsaan Malaysia.

- Mana Sikana. 2001. *Bacaan Teori: Interpretasi dan Pengembangan Puitika Sastera Melayu Muhammad Haji Salleh*. Kertas Kerja Seminar Puitika Sastera Melayu. Anjuran Bahagian Teori dan Kritikan Sastera, Dewan Bahasa dan Pustaka, 21 Mac 2001.
- Masuri S.N. 1998. *Kreativiti dan Kemanusiaan dalam Kesusasteraan*. Shah Alam: Fajar Bakti.
- Mohd Affandi Hassan. 1992. *Pendidikan Estetika Daripada Pendekatan Tauhid*. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Othman Puteh. 1997. Teori Penciptaan Karya Sastera. Dlm. Mana Sikana. Pngr. *Teori Sastera dan Budaya Dalam Kajian Akademik*. Bangi. Penerbit UKM.
- Oxford Advanced Learner's Dictionary*. 1989. New York: Oxford University Press.
- Plesk, P.E. 1996. *Models For The Creative Process*. <http://www.directedcreativity.com>
- Sarah Sadon. 2004. *Koleksi Terpilih Sasterawan Negara A.Samad Said*. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Talib Samat. 2002. *Karya Terpilih Sasterawan Negara Dalam Esei dan Kritikan*. Tanjong Malim: Penerbit UPSI.
- Vincent Ryan Ruggiero. 1995. *The Art of Thinking*. New York. Harper Collins College Publishers.

Sumber internet

<http://www.directedcreativity.com> dipetik pada 23.5.2009

<http://www.vub.ac.be/CLEA/liane/> dipetik pada 23.5.2009

<http://www.vantagequest.org.carlisle> dipetik pada 23.5.2009